



Edisi 9 | 2025 | Bilangan 58 | Edaran Percuma

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

MAJLIS PENGURNIAAN WATIKAH PELANTIKAN ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK,

HAKIM MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PERAK, AHLI MAJLIS
PERUNDINGAN MASJID SERTA PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN



MAJLIS MENGANGKAT SENI DAN ADAT MELALUI

BARZANJI DAN MARHABAN



SEJARAH TERCIPTA, 80 BELIA ASNAF KURSUS PEMBANTU PERAWATAN PESAKIT

TAJAN MAIPK DI IJN COLLEGE
BANGKIT MEMBINA KERJAYA






Edisi 9 | 2025 | Bilangan 58

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



Sidang Redaksi

Edisi 9 | 2025 | Bil. 58

Wadah

PENASIHAT

Syamsul Hazeman bin Md Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

KETUA EDITOR

Munawir bin Mohamed Noh
Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat & Adat Melayu

EDITOR

Norhidayu binti Sakdon
Pengurus Unit Komunikasi Strategik

Mohd Yakop bin Ikram
Penolong Pengurus Unit Komunikasi Strategik

JURUFOTO

Hamizul bin Othman
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Nurul Farzana binti Ahmad Shah
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Amirul Khalid bin Ahmad
Pembantu Tadbir Unit Sekretariat

EDARAN

Unit Komunikasi Strategik

DITERBITKAN OLEH:

Unit Komunikasi Strategik
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak,
Tingkat 6, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-208 4000 Faks: 05-241 4257

Laman web: www.maipk.gov.my
<https://wakafperak.gov.my/>

Emel: korporat@maipk.gov.my

Facebook: Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Instagram : ZakatPerak_Official

Tiktok : MajlisAgamaislamPerak

Isi Kandungan

Sidang Redaksi	2
Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak	3 – 6
Semasa	7 – 18
Keratan Akhbar	19
Jom Bayar Fidyah	20



TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

**MAJLIS PENGURNIAAN WATIKAH
YANG DI PERTUA DAN ANGGOTA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK,
HAKIM MAHKAMAH SYARIAH PERAK
DAN
AHLI MAJLIS PERUNDINGAN MASJID
SERTA
PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN DAN PENDAPATAN**

TARIKH: 27 JAMADILAKHIR 1447/18 DISEMBER 2025 (KHAMIS);

JAM: 10.30 PAGI

TEMPAT: ROYAL PERAK GOLF CLUB, IPOH.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ

الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ

يَا حَسَانَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Beta menzahirkan penghargaan kepada Yang Dipertua dan anggota Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) penggal 2024-2025, begitu juga kepada ahli-ahli Majlis Perundangan Masjid penggal 2023-2025 atas khidmat yang telah disempurnakan memenuhi tanggungjawab yang telah diamanahkan. Beta memperkenankan lantikan serta meletakkan amanah dan tanggungjawab kepada Yang Dipertua dan anggota Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak serta ahli-ahli Majlis Perundangan Masjid penggal 2026-2027, demikian juga hakim-hakim Mahkamah Syariah yang akan dikurniakan watikah lantikan pada pagi ini.

2. Dunia menilai Islam melalui perlakuan penganutnya. Usaha memberi penerangan mengenai agama Islam tidak akan lengkap jika tidak dicerminkan dengan sifat, sikap, amalan dan kejayaan umat Islam yang boleh dijadikan contoh teladan terbaik. Institusi Islam tidak terkecuali menerima tempas persepsi negatif jika berlaku kelemahan pengurusan, mahupun ketiadaan integriti oleh insan-insan yang telah diamanahkan dengan tanggungjawab menguruskan institusi Islam. Institusi agama Islam yang membuktikan kecemerlangan, bukan hanya membantu ummah untuk lebih maju, malah dapat memperbetulkan persepsi negatif terhadap Islam. Lantikan sebagai anggota MAIPK

serta ahli Majlis Perundingan Masjid adalah atas kepercayaan Beta bahawa setiap seorang anggota dan ahli memiliki pengetahuan, kepakaran dan pengalaman yang boleh membantu usaha-usaha mengembangkan syiar Islam di samping membina imej dan persepsi positif terhadap Islam melalui cetusan idea yang inovatif dan gerak kerja yang dinamik.

3. MAIPK dan Majlis Perundingan Masjid merupakan dua badan syura. Syura berperanan penting dalam pentadbiran Islam, disarankan dalam al-Quran, diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam. Syura ialah forum yang membolehkan berlakunya percambahan minda dan pertukaran pendapat, berlangsung dalam suasana tertib, sopan, profesional dan berdisiplin. Syura memberikan kelebihan dan kebaikan kepada masyarakat dan kepada pihak yang bertikai pendapat untuk mencari persefahaman dan rumusan secara rasional dalam semangat saling mendengar dan saling menghormati pendapat yang berlainan dan berbagai. Melalui syura, ahli-ahli berpeluang menghalusi isu, meningkatkan persefahaman, melontarkan idea, merungkaikan permasalahan dan mengemukakan jalan penyelesaian untuk membolehkan keputusan terbaik, tepat dan objektif dirumuskan secara bersama. Semangat syura ini hendaklah dihayati dan menjadi pegangan anggota MAIPK dan ahli Majlis Perundingan Masjid.

4. MAIPK telah menjalin kerjasama dengan Jabatan Penjara Negeri Perak, merintis program pembangunan ummah dengan memperkenalkan 'model koreksional Islamik' berimpak tinggi di Pusat Koreksional Batu Gajah dan di Penjara Tapah. Mulai Januari 2025, akademi tahfiz diwujudkan di Pusat Koreksional Wanita Batu Gajah; mendapat sambutan tujuh orang peserta; seorang daripadanya telah pun berjaya menghafal 6 juzuk al-Quran. Mulai Februari 2025, program hafazan al-Quran telah diperkenalkan di Penjara Tapah, mendapat sambutan penyertaan 18 orang prospek; ada yang telah berjaya menghafal 3 juzuk al-Quran. Program di dua pusat penjara ini dibiayai daripada dana wakaf dan zakat untuk membekalkan kelengkapan, kemudahan pembelajaran dan menyediakan tenaga pengajar; di samping pembiayaan aktiviti kebajikan dalam usaha pemulihan menyeluruh insan dari sudut jasmani, emosi, akal dan akhlak. Dua program yang dirintis ini telah mendapat sambutan baik dan membuahkan hasil yang sangat menggalakkan.

5. Pada zaman ini tidak wujud lagi asnaf *al-riqab* seperti yang disebutkan dalam kitab-kitab *turath* sebagai hamba *al-mukatab*, iaitu hamba yang dijanjikan dengan perjanjian yang sah oleh

tuannya untuk dimerdekakan dengan syarat membayar sejumlah wang. Namun demikian, para ulama kontemporari telah meluaskan takrif *al-riqab* pada golongan-golongan seperti tawanan perang, rakyat yang berada dalam negara yang dijajah atau bergolak, golongan yang dibelenggu dengan masalah sosial dan akidah. Berpanduan takrif ulama kontemporari ini, asnaf *al-riqab* sebenarnya masih wujud dan layak menerima aqihan zakat.

Asnaf *al-riqab* kini tidak terhad kepada mereka yang diperhambakan, tetapi merangkumi insan-insan yang terbelenggu dengan masalah sosial, yang perlu dibantu akidahnya untuk kembali ke pangkal jalan. Sesungguhnya, membebaskan manusia daripada kegelapan merupakan tugas mulia yang seiring dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam:

Bermaksud: "Tolonglah saudaramu sama ada dia berbuat zalim atau dizalimi. Dan bila ditanya bagaimana menolong orang yang berbuat zalim, Baginda menjawab; 'Dengan menahan tangannya daripada kezaliman'"¹

6. Beta telah memperkenalkan untuk MAIPK bekerjasama dengan Jabatan Penjara Perak merintis usaha untuk membantu banduan-banduan yang dibebaskan dari penjara. Beta telah menitahkan Jabatan Mufti untuk mengkaji sama ada banduan yang dibebaskan dari penjara tergolong dalam mana-mana asnaf yang layak diberikan bantuan daripada dana zakat untuk memulakan penghidupan yang baharu. Beta telah menitahkan agar MAIPK memikirkan dana membiayai banduan yang dibebaskan untuk dibantu mengikuti program latihan kemahiran yang sesuai agar mereka dapat segera memulakan hidup yang produktif pasca menjalani hukuman penjara. Para banduan telah melalui pengalaman ditangkap oleh pihak polis, melalui pengalaman perbicaraan oleh mahkamah, dan melalui pengalaman tahanan oleh jabatan penjara. Pada hemat Beta, perlu ada entiti atau badan yang memberikan perhatian kepada banduan yang telah tamat menjalani hukuman. Beta berpendirian MAIPK boleh berperanan konstruktif untuk membantu banduan yang telah selesai menjalani hukuman untuk memulakan hidup baharu.

7. Negeri Perak ketika ini mempunyai 700 buah masjid dan 1,773 buah surau yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK). Sepanjang tahun 2024, masjid-masjid di negeri Perak merekodkan kutipan dana berjumlah 65.54 juta ringgit. Seiring dengan pertumbuhan penduduk, dikembari pembangunan kawasan penempatan dan perumahan yang baharu,

permintaan untuk membina masjid baharu terus dikemukakan. Masyarakat Islam di negara ini, sewajibnya bersyukur kerana mempunyai kemudahan masjid yang sebahagian besar kos pembinaannya dibiayai oleh kerajaan. Namun perlu difahami, kerajaan juga mempunyai sumber kewangan yang terbatas untuk membiayai pelbagai program pembangunan.

8. Pada peringkat awal perkembangan Islam di negara ini, masjid diusahakan pembinaannya oleh umat Islam sendiri. Sebahagian besar sumber dana pembinaan masjid diperoleh melalui wakaf, baitulmal, derma dan sumbangan daripada hartawan Islam. Semangat ummah tampil mengambil tanggungjawab fardu kifayah untuk membantu usaha pembinaan masjid hendaklah dihidupkan semula. Disarankan untuk MAIPK bersama JAIPK memikirkan, merintis dan menggerakkan usaha memperkenalkan instrumen pendanaan awam (*crowd funding*), dengan menubuhkan dana wakaf khas untuk membantu pembiayaan pembinaan masjid baharu, dengan mendapatkan persefahaman dan persetujuan jawatankuasa-jawatankuasa masjid, memperuntukkan setiap tahun peratus tertentu kutipan dana masjid masing-masing kepada dana wakaf khas yang diwujudkan.

9. Masjid hendaklah keluar daripada kepompong pemikiran jumud dan lapuk, ditransformasikan menjadi pusat kecemerlangan ummah, yang tidak lagi berimej sekadar tempat menunaikan solat dan mengadakan pengajian yang terbatas kepada subjek agama. Masjid sebaiknya hendaklah aktif menggalas peranan pendidikan, pengembangan pelbagai ilmu duniawi dan ukhrawi, kaunseling keluarga, aktiviti remaja, pembangunan sosial dan ekonomi serta berperanan sebagai pusat memupuk adab, jati diri dan perpaduan masyarakat. Tujuh ratus (700) buah masjid dan 1,773 buah surau di negeri Perak jangan dijadikan gajah tidur tetapi hendaklah diaktifkan, sebagai pusat pembangunan ekonomi, perkembangan ilmu dan pembangunan sosiobudaya ummah; diimarahkan dengan pelbagai aktiviti yang dapat menarik minat pelbagai peringkat usia anggota kariah, merangkumi anak-anak pada usia prasekolah, anak-anak di sekolah rendah, menengah, maktab dan universiti serta golongan belia. Ahli jawatankuasa masjid tidak boleh bersifat memekakkan telinga terhadap isu-isu yang ada kaitan langsung dengan kehidupan ummah dan ahli-ahli kariah tidak boleh bersifat memejamkan mata terhadap cabaran yang berlaku dalam persekitaran kehidupan ummah.

10. Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid hendaklah berfikir besar, membolehkan masjid berperanan lebih dinamik, melalui pemikiran yang dikeluarkan dari kotak sempit, minda yang dimerdekakan dari kepompong pemikiran lama yang telah disemai oleh penjajah secara terancang, dengan muslihat tersirat mahu membatasi peranan masjid kepada urusan-urusan ibadat yang ditakrif dengan dimensi yang sempit. Masjid hendaklah peka kepada keadaan persekitaran, cabaran dan masalah yang dihadapi oleh ummah semasa. Masjid bertenaga untuk tampil ke hadapan mengambil tanggungjawab fardu kifayah membantu menangani tiga perkara berikut:

Pertama: Atas fahaman bahawa banyak masjid memiliki kawasan tanah yang boleh dioptimumkan penggunaannya, masjid hendaklah bergerak aktif dalam program keterjaminan makanan, menyuburkan kawasan masjid dengan tanaman sayur dan pohon buah-buahan. Beta hargai usaha dan bantuan yang telah dihulurkan oleh Jabatan Pertanian menjayakan program keterjaminan makanan di 118 masjid di negeri Perak. Kejayaan awal ini hendaklah menjadi pendorong untuk lebih banyak jawatankuasa masjid bergerak aktif menggiatkan ahli-ahli kariah berusaha untuk menghasilkan bahan makanan di tanah-tanah milik masjid.

Kedua: Penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Penjagaan alam sekitar merupakan amanah Illahi. Masjid hendaklah menjadi pemimpin menyedarkan ummah tentang kelestarian bumi melalui pelaksanaan program masjid lestari yang memberi fokus pengurusan bahan buangan, pengurangan penggunaan bahan plastik, dan memperkenalkan program kitar semula. Jawatankuasa dan pegawai masjid secara aktif hendaklah melaksanakan program pemuliharaan alam sekitar melalui program kitar semula, antaranya menjadikan sisa buangan makanan daripada jamuan-jamuan yang diadakan untuk dijadikan baja kompos, meminimumkan penggunaan plastik sekali guna dan menyediakan tempat untuk ahli-ahli kariah boleh menyerahkan bahan-bahan terpakai yang masih elok dan boleh digunakan untuk manfaat orang-orang yang memerlukan.

Institusi masjid berpotensi berperanan penting sebagai pusat pendidikan, kesedaran dan tindakan komuniti dalam pemuliharaan biodiversiti. Program masjid hijau hendaklah diterokai dan dilaksanakan dengan lebih bersungguh melalui amalan teknologi hijau seperti penggunaan tenaga solar, sistem pengumpulan air hujan dan pengurusan

sisanya secara efisien. Program pendidikan alam sekitar dan kepentingan biodiversiti hendaklah diadakan melalui siri tazkirah dan ceramah di masjid-masjid secara berkala.

Dengan bimbingan Jabatan Alam Sekitar, dua puluh buah masjid kini terlibat aktif dalam program kitar semula dan penjagaan alam sekitar. Sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara peringkat negeri Perak, tujuh buah masjid diiktiraf untuk menerima penganugerahan masjid lestari kerana berjaya mengumpulkan sisa plastik dan ewaste terbanyak di negeri Perak.

Ketiga: Isu Kesihatan. Sedarilah! Malaysia antara negara yang mempunyai peratus penduduk penyakit diabetes tertinggi di dunia. Hampir dua juta rakyat Malaysia merupakan pesakit diabetes berdaftar di 996 klinik kesihatan di seluruh negara. Lebih 60% pesakit diabetes di negara ini ialah orang Islam. Di samping itu, hampir 15% rakyat Malaysia, iaitu seorang dalam tujuh orang menghidap penyakit buah pinggang; lebih 40,000 pesakit buah pinggang di negara ini memerlukan rawatan dialisis; data menunjukkan setiap tahun berlaku pertambahan hampir 9,500 kes baharu yang memerlukan rawatan dialisis. Diabetes merupakan penyumbang utama kepada pesakit baharu; 53 peratus pesakit baharu yang memerlukan rawatan dialisis ialah pesakit diabetes.

Dua puluh satu peratus (21.3%) warga dewasa mengalami obesiti manakala 30.7% kanak-kanak dan remaja Malaysia mengalami masalah berat badan berlebihan. Enam puluh tiga peratus (63%) remaja dan 47% dewasa mengambil gula secara berlebihan, 76% dewasa mengambil garam melebihi had yang ditetapkan oleh Organisasi Kesihatan Sedunia; 42% remaja dan 34% dewasa mengambil makanan berat pada waktu lewat malam. Amalan-amalan tidak sihat tersebut menjadi penyebab kepada penyakit kronik darah tinggi, paras kolesterol tinggi dan pelbagai jenis barah.

Jawatankuasa masjid disarankan melaksanakan program mengilmukan ahli kariah dan menjadi pemangkin amalan gaya hidup sihat dengan memperkenalkan program-program berikut:

Pertama: Menganjurkan tazkirah dan ceramah siri pendidikan kesihatan dengan kerjasama pegawai kesihatan, perubatan dan pemakanan.

Kedua: Menganjurkan program sukan dan riadah seperti senamrobik di perkarangan masjid selepas solat subuh dan asar.

Ketiga: Menghentikan penyediaan minuman manis dalam jamuan-jamuan di masjid dan mengurangkan garam dan lemak dalam hidangan yang disediakan.

Keempat: Menggalakkan jemaah berpuasa sunat.

Kelima: Memperkenalkan budaya waktu makan yang baharu dengan mengubah waktu jamuan di masjid dan surau daripada dihidangkan selepas solat isyak kepada sebelum solat maghrib.


11. Semoga anggota MAIPK, ahli-ahli Majlis Perundingan Masjid dan para hakim yang Beta berkenankan lantikan masing-masing akan memenuhi amanah dan melaksanakan tanggungjawab dalam semangat dan niat melakukan ibadah yang bersandarkan niat semata-mata kerana ALLAH Subhanahu Wata'ala selaras dengan peringatan yang terkandung dalam ayat 162 Surah Al-An'aam bermaksud:

*"Katakanlah: Sesungguhnya sembahyang ku dan ibadat ku, hidup ku dan mati ku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam"*²

12. Ya Allah! Yang Maha Berkuasa lagi Maha Mengetahui, hamba-Mu pohonkan agar mereka yang dengan izin Mu juga telah diamanahkan, pada setiap masa akan mendapat bimbingan dan panduan dari Mu Ya Allah! untuk dapat menyempurnakan tanggung jawab dengan penuh jujur lagi berintegriti. Semoga Engkau anugerahkan kepada setiap seorang daripada mereka kekuatan iman agar senantiasa berpendirian tegas dan bersuara ikhlas menyebarkan sebaik-baik nasihat kepada hamba-Mu yang daif ini, untuk membolehkan hamba-Mu menyempurnakan tugas besar seorang Amirulmukminin dengan adil lagi saksama berteraskan Kitabullah dan Sunah Rasul. Semoga ALLAH Subhanahu Wata'ala memberikan petunjuk dan hidayah memandu kita ke jalan yang lurus;

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



MAJLIS PENGURNIAAN WATIKAH PELANTIKAN ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK, HAKIM MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PERAK, AHLI MAJLIS PERUNDINGAN MASJID SERTA PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN



IPOH, 18 Disember 2025 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-MaghfurLah, mengikut seksyen 11, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 telah berkenan mengurniakan watikah pelantikan kepada Yang Dipertua dan anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAJLIS) bagi penggal 2026 - 2027.

Mendahului penerima watikah YAB. Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak merangkap Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Negeri Perak, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini dilantik sebagai Yang Dipertua MAJLIS serta lima (5) ahli atas nama jawatan iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Pegawai Kewangan Negeri Perak, Ketua Hakim Syarie Negeri Perak serta Pengarah Jabatan Agama Islam Perak. Dua puluh satu (21) anggota pada penggal 2024 - 2025 dilantik semula, sementara lima (5) anggota baharu dilantik bagi penggal 2026 - 2027.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak turut berkenan melantik 13 orang Hakim Mahkamah Syariah Negeri Perak serta 55 orang Ahli Majlis Perundangan Masjid Negeri Perak yang bakal berperanan memperkukuh tadbir urus masjid, memantapkan institusi masjid sebagai pusat pembangunan komuniti, serta menyokong agenda dakwah, pendidikan dan kesejahteraan ummah di seluruh negeri Perak. Selanjutnya, baginda berkenan menerima penyerahan zakat perniagaan daripada 11 agensi melibatkan jumlah keseluruhan RM18,400,115.12.






Edisi 9 | 2023 | Bilangan 53

WADAH

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak




ANGGOTA MAJLIS



HAKIM MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PERAK





AHLI MAJLIS PERUNDINGAN MASJID NEGERI PERAK



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN






Edisi 9 | 2025 | Bilangan 53

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



SESI BERGAMBAR SEMPENA MAJLIS PENGURNIAAN WATIKAH PELANTIKAN YANG DIPERTUA DAN ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK PENGGAL 2026-2027



Duduk Di Tengah

**DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH**

Duduk Dari Kiri Ke Kanan

Dato' Haji Harith Fadzilah bin Haji Abdul Halim, YB. Dato' Mohd Zaki bin Mahyudin, YB. Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, YAB. Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini, YB. Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin, Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed, dan Tuan Syamsul Hazeman bin Md. Saleh

Berdiri Dari Kiri Ke Kanan Barisan Kedua


Encik Muhammad Nairn Al Amin bin Dato' Saharudin, Orang Kaya Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa DiRaja Dato' Ab Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan, Puan Habibah binti Yaakob, Dr. Hajah Nornajwa binti Ghazali, Puan Selwah binti Hj. Said, Dr. Nasreen Khanum binti Nawab Zadah Khan, Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah binti Ismail, Ts. Norsiyenti binti Othman, Prof. Dr. Asmak binti Ab Rahman, Encik Zainal Iskandar bin Ismail dan Toh Maharaja Indera Dato' Dr. Khairil Anuar bin Arshad

Berdiri Dari Kiri Ke Kanan Barisan Ketiga

Prof. Madya Dr. Mohamed Fairouz bin Abdul Khir, YAA. Dato' Haji Ab. Rahman Thobroni bin Haji Mohd Manser, Toh Seri Bijaya Lt. Kol. (B) Dato' Shahrudin bin Haji Nazari, Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Ar. LA Meor Roslan Bin Dato' Seri Hj. Meor Ahmad Rashidi, Dato' Ts. Dr. Hj. Mohammad Ezanni bin Mat Saleh, Toh Paduka Setia Dato' Ir. Dr. Safry Kamal bin Hj. Ahmad, dan Encik Zulkafli bin Mohamed Mokhtar

Tiada Dalam Gambar

Dato' Haji As'ad bin Awang



MAIPK MENGANGKAT SENI DAN ADAT MELALUI BARZANJI DAN MARHABAN



Ipoh, 20 Disember 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Perak telah menganjurkan Pertandingan Barzanji dan Marhaban Peringkat Negeri Perak bertempat di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Barzanji dan Marhaban merupakan seni tradisi Islam yang popular di negeri Perak, lazimnya dipersembahkan dalam majlis keagamaan seperti Maulid Nabi, akikah, menyambut kelahiran bayi, berkhatan, cukur jambul, dan majlis perkahwinan.

MAIPK komited mengangkat dan memelihara adat Melayu seperti Barzanji dan Marhaban agar terus diwarisi bukan sahaja oleh golongan dewasa, tetapi juga generasi muda. Pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan bagi menggalakkan penyertaan masyarakat, khususnya belia, dalam warisan budaya ini. Pada peringkat akhir pertandingan, seramai 16 orang belia daripada keseluruhan 67 peserta (24%) telah mengambil bahagian. Penglibatan ini merupakan satu permulaan positif yang menunjukkan minat golongan muda terhadap seni Barzanji dan Marhaban.

Majlis turut diserikan dengan acara cukur jambul dua orang bayi, iaitu Uqail Daim bin Muhammad Uzair dan Muhammad Yassir bin Fairuz, yang disempurnakan oleh YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini dan YABhg. Puan Sri Datin Seri Zavirah binti Shaari. Hadirin kemudiannya diraikan dengan edaran bunga telur sebagai simbol kesyukuran atas kelahiran kedua-dua bayi tersebut.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MAIPK, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini, yang turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Turut hadir ialah Orang Besar Jajahan Kinta, Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan; Orang Besar Jajahan Muallim, Toh Paduka Setia Dato' Ir. Dr. Safry Kamal bin Hj. Ahmad; Anggota MAIPK, Encik Zulkafli bin Mohamed Mokhtar; dan Dr. Hajah Nornajwa Binti Ghazali serta Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh.

Senarai Pemenang:

Tempat Pertama: Kumpulan Soutul Ikhwan (Taiping)
 – RM5,000.00 & Piala
 Tempat Kedua: Kumpulan Soutul Aula (Taiping)
 – RM3,000.00 & Piala
 Tempat Ketiga: Kumpulan Al-Iskandariyyah (Pengkalan Hulu)
 – RM2,000.00 & Piala

Saguhati (RM1,500.00 setiap kumpulan):

Nurjannah (Teluk Intan) | Miftahul Jannah (Bagan Serai) |
 Nurjannatul Umi (Manjung) | Marhaban Ukhwah An-Nur (Batang
 Padang) | Raudhatul Jannah (Kuala Kangsar)






Edisi 9 | 2025 | Bilangan 53

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



MAIPK ANJUR KESANTUNAN MELAYU MELALUI KOMIK DAN NARATIF RAKYAT

IPOH, 15 Disember 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah mengadakan Program Santun Menerusi Komik dan Naratif Rakyat di Dewan Al - Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan.

Program ini bertujuan mengangkat warisan adat Melayu yang masih diamalkan hingga ke hari ini berlandaskan prinsip-prinsip Islam. Program Santun Menerusi Komik dan Naratif Rakyat ini mendedahkan kandungan manuskrip Misa Melayu, iaitu sebuah karya sejarah berharga tentang Kesultanan Perak yang di dalamnya penuh adat dan ilmu Melayu.


Pendekatan kreatif dan kontemporari digunakan untuk menarik minat golongan remaja dengan menggunakan elemen visual yang mereka minati. Program ini menyediakan galeri komik bercetak, reruai koleksi komik misa Melayu, ruang bacaan komik serta menonton video naratif rakyat. Dengan menggunakan platform tayangan video AR yang disertakan dengan alat audio pandang dengar yang sesuai dan interaktif, program ini membolehkan remaja menikmati cerita rakyat dalam cara yang lebih moden dan menghiburkan. Pendekatan ini menjadikan pengalaman tersebut lebih berkesan dan relevan dengan dunia digital yang mereka kenali.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh, semasa menyampaikan ucapan perasmian memetik, ini merupakan usaha MAIPK memelihara adat melayu Perak untuk diangkat semula dan menjadikan budaya masyarakat Melayu dikenali dan diwarisi kepada generasi muda. Diharapkan program ini akan menjadi platform yang efektif untuk meningkatkan pemahaman dan penghayatan tentang kesantunan Melayu.

Program Santun Menerusi Komik dan Naratif Rakyat merupakan kajian Kelestarian Warisan Perak berlandaskan Islam yang dijalankan oleh kumpulan penyelidik daripada UPSI, iaitu yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Anida Sarudin dan ahlinya iaitu Dr. Nur Syuhada Mat Sin yang juga dan Dr. Mohd Nik Mat Pelet dari UITM. Program santun pada hari ini melibatkan mahasiswa UPSI, murid-murid SMK Samudera, Manjung dan SK St. Michael, Ipoh.

Pihak MAIPK merakamkan penghargaan kepada semua pempamer yang telah memberikan sokongan dalam Program Santun Menerusi Komik dan Naratif Rakyat antaranya ialah SMK Samudera Manjung, Rebana Sayong, Tudung Saji, Kartunis Cikgu Saiful Thaqif serta KiroTerapi Usahawan MAIPK..





SEJARAH TERCIPTA, 80 BELIA ASNAF KURSUS PEMBANTU PERAWATAN PESAKIT TAJAAN MAIPK DI IJN COLLEGE BANGKIT MEMBINA KERJAYA

MAIPK terus komited memperkasa golongan asnaf melalui pelaksanaan Program TVET yang memberi fokus kepada latihan kemahiran dan penempatan kerjaya, satu inisiatif berimpak tinggi yang kini mula menampakkan hasil nyata apabila para peserta berjaya menamatkan latihan dan melangkah ke alam pekerjaan. MAIPK melalui Program TVET Asnaf membuktikan bahawa peluang yang tepat mampu mengubah kehidupan, apabila anak-anak asnaf kini berdiri megah sebagai graduan berkemahiran dan telah ditempatkan dalam kerjaya masing-masing.

Hari ini menjadi saksi detik penuh makna dalam Majlis Konvokesyen Peserta kursus Pembantu Perawatan Pesakit MAIPK di IJN College, apabila seramai 80 belia asnaf daripada peserta tahun 2024 dan 2025 diraikan setelah berjaya menamatkan latihan intensif selama 3 bulan sebagai Patient Care Assistant (PCA). Mereka bukan sekadar graduan, mereka adalah anak-anak asnaf yang bangkit mengubah nasib, melangkah keluar daripada kesempitan hidup menuju kehidupan yang lebih bermaruah.

Hasil latihan dan bimbingan berterusan, graduan PCA MAIPK kini telah ditempatkan di institusi kesihatan terkemuka seperti Institut Jantung Negara, Ara Damansara Specialist Hospital, Hospital Fatimah, Ipoh dan yang terbaharu akan ditempatkan kerjaya di Columbia Hospital Cheras. Mereka kini mempunyai masa depan yang cerah dan mampu merubah kehidupan keluarga ke arah yang lebih baik.

Inilah bukti bahawa zakat yang diurus dengan berkesan mampu membina masa depan, bukan hanya memberi bantuan sementara, tetapi melahirkan insan berkemahiran, berdikari dan mampu membantu keluarga. MAIPK merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelatih dan semoga ianya membuka jalan yang luas untuk lebih berjaya di masa hadapan.



PROGRAM MESRA HARI BERTEMU PELANGGAN KERAJAAN NEGERI PERAK SIRI 8/2025

IPOH, 8 Disember 2025 - Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak Siri 8/2025 berlangsung di Stadium Indera Mulia, Ipoh. Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK), Syamsul Hazeman bin Md Salleh hadir menyantuni para pelanggan serta mendengar sendiri pandangan dan maklum balas yang dikongsikan. MAIPK mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk menjadi mata dan telinga masyarakat dalam menyalurkan maklumat berkaitan golongan asnaf yang memerlukan bantuan.

MAIPK juga komited dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan wakaf serta menggalakkan masyarakat untuk bersama-sama menghidupkan amalan berwakaf demi kebaikan dan manfaat bersama. Semoga dengan keprihatinan dan sokongan semua pihak, tiada yang terpinggir daripada menerima bantuan yang sewajarnya, dan potensi wakaf dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk kesejahteraan ummah.





Edisi 9 | 2025 | Bilangan 53

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

MAIPK PARIT BUNTAR SALUR BANTUAN PERUBATAN



PARIT BUNTAR, 10 - 11 Disember 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) Cawangan Parit Buntar telah mengagihkan bantuan perubatan kepada sembilan orang penerima di sekitar Parit Buntar. Sebanyak RM32,210.00 telah diperuntukkan bagi penyediaan ubat-ubatan serta keperluan perubatan antaranya katil pesakit, lampin pakai buang, susu dan tisu basah. Agihan bantuan tersebut telah disampaikan oleh Pengurus MAIPK Cawangan Parit Buntar, Muhammad Isyraf Danial bin Mazlan. Diharapkan bantuan ini dapat meringankan beban kewangan penerima di samping menyokong kesejahteraan dan kualiti hidup mereka secara berterusan.




MAIPK GERIK HULUR BANTUAN PERUBATAN KEPADA ASNAF



GERIK, 17 Disember 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) Cawangan Gerik yang diwakili oleh Pengurus MAIPK Cawangan Gerik, Shamsul Anuar bin Zakaria telah menyerahkan Bantuan Perubatan melibatkan jumlah keseluruhan dana zakat sebanyak RM33,888.00. Bantuan yang disalurkan merangkumi keperluan perubatan asas dan sokongan penjagaan seperti katil pesakit, kerusi roda, tilam angin, susu khas, lampin pakai buang, alat tiub serta peralatan cucian. Inisiatif ini diharap mampu meringankan beban kewangan penerima serta memastikan keperluan rawatan dan penjagaan kesihatan mereka dapat dipenuhi secara berterusan.





PROGRAM PENDIDIKAN KOMUNITI ORANG ASLI ANJURAN MAIPK BERSAMA UKM

SUNGAI SIPUT, 24 Disember 2025 - Program Pendidikan Komuniti Orang Asli siri kedua anjuran bersama Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) dan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah berlangsung dengan jayanya Kg. Lasah, Sungai Siput. Penganjuran ini turut disertai oleh Tuan Haji Zulkifli bin Ahmad, Ahli anggota MAIPK merangkap Mantan Pengetua Sekolah Orang Asli Nurul Hidayah, Kg. Kenang, bersama Yang Beradatan Tok-Tok Batin Orang Asli serta pelajar-pelajar Orang Asli dari SMK Baong dan SMAR Nurul Hidayah, Jalong Tinggi.

Pelaksanaan program diadakan mengikut sesi berasingan yang dikendalikan oleh PM Dr. Izwan dari Fakulti Pendidikan UKM dengan bantuan pelajar-pelajar sarjana Kursus Bimbingan dan Kaunseling. Keseluruhan program ini dibiayai sepenuhnya oleh MAIPK sebagai komitmen berterusan dalam memperkasa potensi anak-anak Orang Asli di Negeri Perak.

MAIPK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak UKM atas kerjasama strategik ini. Penghargaan turut disampaikan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Kangsar dan JAKOA Kuala Kangsar atas sokongan padu yang memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.




TVET MAIPK MEMBUKA PELUANG KERJAYA ASNAF SEBAGAI PENYELAM KOMERSIAL PROFESIONAL

Seramai 15 orang belia asnaf telah berjaya menamatkan latihan Penyelam Komersial Profesional Tahap 1 dan 2, sekali gus melayakkan mereka untuk menceburi industri penyelaman komersial secara profesional. Peluang pekerjaan telah tersedia, dengan kesemua peserta berjaya ditempatkan dalam industri berkaitan dan menerima gaji permulaan minimum sekitar RM3,500 sebulan.

Inisiatif ini membuktikan bahawa MAIPK bukan sekadar menyalurkan bantuan, malah komited membangunkan potensi asnaf secara menyeluruh melalui peningkatan kemahiran, latihan berimpak tinggi dan pembukaan peluang kerjaya yang mampu meningkatkan taraf kehidupan secara mampan dan berdaya saing.

Program yang menelan kos sebanyak RM315,000 ini jelas menunjukkan pulangan sosial yang signifikan, sekali gus mengukuhkan keberkesanan pendekatan pemerkasaan asnaf melalui TVET di negeri Perak.

Semoga ilmu, kemahiran dan pengalaman yang diperoleh menjadi titik permulaan kepada pembinaan kerjaya yang kukuh, seterusnya melahirkan asnaf yang berdikari, berkemahiran tinggi dan mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.






Edisi 9 | 2025 | Bilangan 53

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



AKTIVITI MAIPK




IPOH, 4 Disember 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan Persidangan MAJLIS kali ke-234 pada 4 Disember 2025 bertempat di Kompleks Islam Darul Ridzuan yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini. Persidangan berkala ini membincangkan pelbagai perkara berkaitan pengurusan zakat, wakaf dan agenda pembangunan sosioekonomi, dengan penekanan kepada pengurusan dana yang telus, berstrategi serta memberi impak langsung kepada kesejahteraan ummah.



TAPAH, 04 Disember 2025 - Pengurus Besar MAIPK Zon Selatan, Wan Abdul Halim Hafidz bin Mohd Amin telah mengadakan kunjungan hormat ke Ahli-Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid Jamek Ar Rahmaniah, Chenderiang, bagi menyerahkan surat kelulusan Bantuan Baikpulih Masjid. Pihak MAIPK telah meluluskan permohonan bantuan baikpulih masjid sebanyak RM50 ribu.



KUALA KANGSAR, 5 Disember 2025 - Pengurus Besar MAIPK Zon Barat, Zul-Azri bin Hosaini menyalurkan Skim Bantuan Perubatan kepada seorang pesakit kanser prostat yang bergelut dengan masalah ketidakupayaan mengawal pembuangan serta memerlukan lampin pakai buang setiap hari. Beban kewangan keluarga turut bertambah kerana dalam masa sama menjaga anak dewasa OKU. Bantuan bernilai RM2,880.00 bagi tempoh enam bulan ini diharapkan dapat memberi kelegaan dan mengurangkan tekanan hidup keluarga terbabit.



AKTIVITI MAIPK



KUALA KANGSAR, 7 Disember 2025 - Pengurus Besar MAIPK Zon Barat, Zul-Azri bin Hosaini menyerahkan bot fiber 14 kaki & enjin Yamaha 15HP kepada Mohd Adznam bin Mansor, nelayan dari Kg. Biong, Sauk. Beliau sebelum ini bergantung pada bot kayu uzur dan enjin rosak. Terima kasih pembayar zakat, bantuan ini memberi nafas baharu kepada beliau meneruskan pencarian rezeki demi keluarga.



KUALA KANGSAR, 8 Disember 2025 - MAIPK Cawangan Kuala Kangsar telah menyerahkan Bantuan Modal kepada Muhd Nazerol bin Zainudin dari Kg Kuala Sayong dan Mohd Nurherman bin Abdullah Sani dari Kg Keroh. Mereka menerima mesin rumput, handblower, chainsaw, pam racun dan bateri bagi menyokong kerja upah memesis rumput selepas mesin lama mereka rosak. Bantuan ini diharap dapat memperkukuh sumber pendapatan mereka. Terima kasih pembayar zakat.




PARIT BUNTAR, 9 Disember 2025 - MAIPK Cawangan Parit Buntar telah menyalurkan sumbangan segera kepada mangsa kebakaran di Kampung Haji Taib, Kuala Kurau bagi membantu keperluan awal serta meringankan beban keluarga yang terjejas. Penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh Pengurus Cawangan MAIPK Parit Buntar, Muhammad Isyraf Danial bin Mazlan.



Edisi 9 | 2025 | Bilangan 53

WADAH

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak



AKTIVITI MAIPK



TELUK INTAN, 15 Disember 2025 - MAIPk mengambil inisiatif melatih 20 orang asnaf mengikuti Kursus Penjagaan Asas Kesihatan bagi membuka peluang penjaan pendapatan sampingan. Medifa Care Group Sdn Bhd sebagai agensi bertauliah telah dipertanggungjawabkan untuk melatih mereka sebagai Caregiver individu yang berkemahiran untuk memberi perkhidmatan penjagaan kepada yang memerlukan bantuan harian disebabkan faktor umur, sakit, kecederaan atau kurang upaya.



TAIPING, 24 Disember 2025 - MAIPk Cawangan Taiping diwakili oleh Pengurus Besar MAIPk Zon Utara, Mohd Saufi bin Ibrahim telah turun padang menziarahi dan menyerahkan bantuan berupa lampin pakai buang dan wang tunai bagi meringankan beban serta kesukaran penjaga menguruskan ahli keluarga yang sakit. Penerima pertama Zahara binti Mohamad yang mengalami kemalangan jalan raya dan mengakibatkan beliau terlantar serta tidak mampu mengurus diri. Beliau penerima bantuan bulanan MAIPk berjumlah RM600.00 serta menerima bantuan lampin pakai buang untuk tempoh enam bulan. Bantuan selanjutnya diberikan kepada Muhammad Noor Syawal bin Shamsuddin juga penerima bantuan bulanan berjumlah RM400.00, beliau mengalami cacat penglihatan, menghadapi masalah usus serta perlu menggunakan tiub khas untuk makan.



IPOH, 29 Disember 2025 - Bahagian Agihan Zakat, MAIPk telah menziarahi empat buah keluarga mangsa kebakaran di Kampung Kuala Pari Hilir. Pihak MAIPk menyalurkan bantuan segera berjumlah RM1,000 kepada setiap ketua keluarga dan menyampaikan bekalan beras serta barangan keperluan harian bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa. MAIPk mendoakan agar semua mangsa dikurniakan kekuatan, ketabahan serta dipermudahkan segala urusan dalam menghadapi dugaan ini.

KERATAN AKHBAR

NewStraitsTimes • FRIDAY, DECEMBER 19, 2025

SELASA 16 DISEMBER 2025 | SINAR HARIAN



Sultan of Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah presenting the instrument of appointment to Tan Sri Mohd Annuar Zahni as Perak Islamic Religious and Malay Customs Consultative Council president in Ipoh yesterday.
NSTP PIC BY L MANIMARAN

MAIPk terbit komik angkat warisan adat Melayu



MAIPk tampil dengan kelainan menerbitkan lima komik dalam usaha memartabatkan adat Melayu.

IPOH - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) menerbitkan komik berunsur naratif rakyat sebagai pendekatan kreatif mengangkat serta memelihara warisan adat Melayu Perak berlandaskan prinsip Islam khususnya dalam mendekati golongan muda.

Inisiatif itu diperkenalkan menerusi Program Santun Menerusi Komik dan Naratif Rakyat anjuran MAIPk dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Teknologi MARA (UITM).

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman Md Salleh berkata, penghasilan komik itu usaha di bawah Unit Adat Melayu MAIPk bagi mendidik masyarakat supaya lebih terbuka menerima dan memahami adat serta budaya Melayu yang semakin terpinggir.

"Kerjasama dengan UPSI dan UITM ini bertujuan mencari kaedah terkini menyampaikan mesej warisan dan adat budaya Melayu. Sebab itu kita memilih naratif komik yang mempunyai pendekatan lebih santai, kreatif dan dekat dengan minat generasi muda.

"Pendekatan ini menjadikan pengalaman lebih berkesan serta relevan dengan dunia digital yang dikenali remaja," katanya selepas merasmikan program berkenaan yang berlangsung di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan di sini, pada Isnin.

Menurut beliau, program tersebut turut memedahkan kandungan manuskrip Misa Melayu, sebuah karya sejarah penting Kesultanan Perak yang sarat dengan adat dan ilmu Melayu, melalui medium visual dan interaktif.

Syamsul Hazeman berkata, setakat ini lima judul komik telah diterbitkan sebagai fasa awal, iaitu Komik syair bergambar Sultan Iskandar bermain ke laut, Chempaka Sari, Peristiwa Dato' hilang di padang, Indahnyalah mahligai cinta Perak dan Pertunangan Sultan Iskandar Dzulqarnain dengan Puteri Raja Budak Rasul.

'BEYOND SERVING AS PLACES OF WORSHIP'

'Mosques must become knowledge hubs'

IPOH: Mosques must move beyond serving as places of worship and religious classes, and instead evolve into centres of excellence for the Muslim community, said Sultan of Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

The ruler said it was time for mosques to transcend "rigid and outdated paradigms".

"Mosques must actively serve as vibrant hubs for education, the cultivation of both worldly and spiritual knowledge, family counselling, youth engagement, plus social and economic development, while nurturing values, identity and communal harmony," he said.

Sultan Nazrin said Perak's mosques and surau must not remain underutilised, and instead be activated for economic progress, intellectual growth and socio-cultural advancement.

He said this in a speech at a presentation of appointment let-

ters to members of the Perak Islamic Religious and Malay Customs Council, Perak Syariah Court judges and the Mosque Consultative Council.

Sultan Nazrin also spoke on the important societal role played by mosque committees and congregants, reminding them against turning a deaf ear to issues affecting their communities.

"Mosque committee members must think expansively and enable mosques to operate with greater dynamism, freeing their minds from narrow constraints and inherited legacies that once sought to confine the mosque's role to a limited understanding of ritual worship."

"In this way, mosques can reclaim their rightful role as dynamic institutions at the heart of society."

The ruler also outlined three critical areas where mosques could help in responding to challenges facing Muslims — food security, environmental stewardship and non-communicable diseases.

He added that the world formed its perception of Islam through the actions and character of its adherents.

"Efforts to explain and promote Islam will remain incomplete unless they are reflected in the character, attitudes, practices and achievements of Muslims who stand as exemplary role models."

In this way, mosques can reclaim their rightful role as dynamic institutions at the heart of society.

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
Sultan of Perak

NewStraitsTimes • FRIDAY, DECEMBER 19, 2025

REINTEGRATION INTO SOCIETY

Perak Islamic council pioneering plans to help ex-inmates

IPOH: The Perak Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIPk) will pioneer initiatives to support inmates after their release from prison.

Sultan of Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah said the state had approved MAIPk's collaboration with the Perak Prison Department for the project.

The ruler said this while speaking about social reintegration, one of the eight categories of people eligible to receive zakat.

"In classical jurisprudence, social at-risk referred to individuals who could attain freedom through contractual payment. Today, its meaning extends beyond enslavement to encompass those found by social adversity

who require support to restore their faith, dignity and direction," he said at the presentation of appointment letters to members of MAIPk, Perak Syariah Court judges and the Mosque Consultative Council, adding that the state had approved MAIPk's collaboration with the Perak Prison Department for the project.

Sultan Nazrin said the state must have been instructed to assist if ex-inmates were eligible for zakat, which would enable them to turn a new chapter in their lives.

"We have further directed MAIPk to explore funding mechanisms that will equip released inmates with suitable vocational skills, allowing them to reintegrate swiftly and productively into society."

He added that as former inmates had endured arduous judicial proceedings and incarceration, there must be an entity to provide structured and compassionate attention upon their release.

The Perak ruler said MAIPk was well-positioned to play a constructive role in helping ex-inmates rebuild their lives with dignity and purpose.

Meanwhile, Sultan Nazrin said MAIPk had established a high-impact Islamic correctional model at the Batu Gajah Correctional Centre and Tapai Prison.

"Their objective is to deliver holistic rehabilitation that nurtures physical, emotional, intellectual and moral development."

The initiative, part of a collaboration with the state Prison Department, saw the launch of a table at the Batu Gajah Women's Correctional Centre, with a first batch of seven inmates.

"In February, a Quran memorisation programme was introduced at Ipoh Prison, attracting 86 participants, several of whom had memorised up to three parts."

Sultan Nazrin said these initiatives were handed through wafat and zakat allocations.

He said he was pleased to see the initiative being implemented in a structured manner, ensuring that ex-inmates could reintegrate into society with dignity and purpose.

Sultan Nazrin said he was pleased to see the initiative being implemented in a structured manner, ensuring that ex-inmates could reintegrate into society with dignity and purpose.

12 NEGARA

Keluar kepompong pemikiran jumud

● Sultan Nazrin mahu mengubah persepsi masyarakat tentang individu yang pernah masuk penjara.
● Diterbitkan dengan aktiviti sosialiti yang berkesan untuk mengubah persepsi masyarakat.

IPOH - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, berkata, individu yang pernah masuk penjara harus dilihat sebagai manusia yang boleh berubah, bukan sekadar label yang melekat.

Beliau berkata, individu yang pernah masuk penjara harus diberi peluang untuk membuktikan bahawa mereka telah berubah dan menjadi lebih baik.

Sultan Nazrin berkata, individu yang pernah masuk penjara harus diberi peluang untuk membuktikan bahawa mereka telah berubah dan menjadi lebih baik.

Beliau berkata, individu yang pernah masuk penjara harus diberi peluang untuk membuktikan bahawa mereka telah berubah dan menjadi lebih baik.

Sultan Nazrin berkata, individu yang pernah masuk penjara harus diberi peluang untuk membuktikan bahawa mereka telah berubah dan menjadi lebih baik.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah speaking at a podium during the launch of the initiative.

Dalam Negeri

Jangan jadikan masjid, surau 'gajah tidur' - Sultan Nazrin

IPOH - Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkata, masjid dan surau tidak boleh dijadikan 'gajah tidur' atau tempat yang hanya digunakan untuk tidur dan bersantai. Beliau berkata, masjid dan surau harus menjadi pusat aktiviti sosial dan budaya masyarakat.

Nat Hair Salon tampung bajet bulanan

IPOH - Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkata, Nat Hair Salon di Ipoh telah menerima bajet bulanan dari kerajaan. Beliau berkata, bajet ini akan digunakan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan meningkatkan kesejahteraan pekerja.

Sultan Nazrin titah kaji bekas banduan terima zakat

IPOH - Sultan Nazrin Muizzuddin Shah titah mengkaji bekas banduan yang layak menerima zakat. Beliau berkata, kerajaan akan mengkaji mekanisme pemberian zakat kepada bekas banduan yang layak menerima zakat.



JOM BAYAR **FIDYAH** *Online*



KADAR FIDYAH



Beras Super
Tempatan/Import/
seumpamanya

RM2.75 SEHARI



Beras Rebusan/
Perang/Wangi

RM4.40 SEHARI



Beras Basmati/
Beras Pulut

RM 7.45 SEHARI

*termasuk caj pengurusan 10%

IMBAS QR SEKARANG



✓ **MUDAH** ✓ **CEPAT** ✓ **SELAMAT**

“Dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin.”

[Al-Baqarah 2:184]

PENGIRAAN FIDYAH

CONTOH 1 (FIDYAH TANPA GANDAAN)

Jika seseorang meninggalkan puasa sebanyak 5 hari pada tahun 2025, bayaran fidyah adalah:

5 hari x RM2.75 x 1 tahun = RM13.57

CONTOH 2 (FIDYAH DENGAN GANDAAN)

Jika meninggalkan 5 hari puasa dan tidak ganti selama 3 tahun, maka fidyah dikenakan mengikut hari dan tahun yang ditinggalkan.

5 hari x RM2.75 x 3 tahun = RM41.25

مجلس ائام اسلام دان عادت ملايو فيراق

www.maipk.gov.my/

<https://fidyah@maipk.gov.my>

